

Tiga penyelidik UPM raih anugerah

TIGA penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih dua pingat emas dan satu pingat gangsa di International Exhibition of Ideas- Inventions- New Products (IENA) 2008 di Pusat Pameran Nurebergh, Jerman, baru-baru ini.

Tiga penyelidik itu adalah Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan (Penyelidikan dan Siswazah), Profesor Ir Dr Norman Marium, Profesor Dr Suhaila Mohamed dan Dr Alyani Ismail.

Penyelidikan yang bertajuk Ohmic Heated Pasteurizer iaitu sebuah produk yang direkapipta untuk mempasteuran bahan makanan cecair tanpa menggunakan penukar haba dan dandang memberi tuah kepada Profesor Dr Norman Marium apabila penyelidikannya itu memenangi pingat emas.

Produk yang dihasilkan itu hanya memerlukan kos yang murah, mudah dikendalikan serta penghasilan produk yang lebih bermutu selain menjimatkan



DIKTIRAF...(dari kiri) Dr Alyani, Prof Ir Dr Norman dan Prof Dr Suhaila Mohamed bergambar bersama pingat yang dimenangi.

penggunaan tenaga.

Sementara itu, Profesor Dr Suhaila Mohamed memenangi pingat emas dengan produk penyelidikan CardioMate-Functional Food Seasoning for Cardiovascular Health.

Menurutnya, produk yang dihasilkan itu berkesan membantu memulihkan penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol, atherosclerosis (kerusakan pembuluh darah), kegemukan, penyakit ginjal dan kanser.

Pingat gangsa dimenangi Dr Alyani Ismail dengan produk

Compact 'Butterfly-shaped' Ultra-Wide Band Microwave Filter.

Ketua Delegasi Malaysia, Profesor Madya Dr Ratnasamy Muniandy, berkata pameran ini disertai tujuh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk satu institusi penyelidikan.

"Dari lapan institusi ini, hampir 50 peratus produk yang dihasilkan mereka memperoleh pingat emas.

"Kejayaan ini membuktikan idea penyelidik kita berpotensi tinggi untuk dipasarkan di peringkat dunia," katanya.

HAKIAN METRO 24/11/08.